

Tiada aduan harga barang naik menjelang Aidiladha

ALOR SETAR 20 Sept. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK) tidak menerima aduan berhubung kenaikan harga barang secara mendadak terutamanya melibatkan ayam dan daging lembu menjelang Hari Raya Aidiladha Khamis ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, setakat ini, pihak kementerian belum menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga tidak munasabah daripada orang ramai.

"Namun begitu, KP-DNKK akan terus melakukan pemantauan harga di semua premis termasuk pasar pagi dan pasar raya bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan.

"Meskipun Hari Raya Aidiladha tidak termasuk dalam penguatku-

saan skim kawalan harga musim perayaan seperti perayaan utama lain, kita akan memastikan setiap peniaga mengenakan harga yang munasabah dan meletakkan tanda harga," katanya.

Beliau diminta mengulas berhubung harga barang menjelang Hari Raya Aidiladha selepas merasmikan Program Etika Jualan dan Kepenggunaan di Pasar Raya dan melancarkan buku panduan promosi pengguna, Shoppersaver di Pasaraya Tesco Mergong, di sini hari ini.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, Shoppersaver bukan sahaja dapat membantu pengguna mendapatkan barangan dengan harga rendah, malah mengelakkan pengguna diperdaya segelintir peniaga yang memanipulasi harga menerusi tawaran harga murah dan promosi.

"Melalui Shoppersaver ini, pengguna dapat membeli dengan mudah dan selamat kerana setiap harga promosi ditawarkan peniaga akan sentiasa dipantau.

"Terbitan pertama buku panduan promosi Shoppersaver ini adalah di Tesco Mergong dan bakal disusuli pasar raya lain di seluruh negara," ujarnya.

Beliau berkata, cetakan Shoppersaver di setiap pasar raya adalah sebanyak 20,000 naskhah dan akan diedarkan kepada pengguna menerusi beberapa premis terpilih iaitu di kedai serbaneka, U-Station dan Circle K serta bank iaitu Maybank, Bank Simpanan Nasional dan Bank Rakyat.

"Setiap peniaga yang mahu mengiklankan barang yang dijual dengan harga promosi di dalam Shoppersaver akan dikenakan sejumlah bayaran," jelasnya.